



KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH KUALA SELANGOR**

DOKUMEN SEBUTHARGA

No. Sebutharga: **JPS.K.Sel.75/2009**

Tajuk Kerja :
**MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MENGECAT KESELURUHAN
STRUKTUR PINTU KAWALAN AIR PASANG SURUT DI DALAM
KAWASAN DAERAH KUALA SELANGOR,
SELANGOR DARUL EHSAN.**



**JURUTERA DAERAH
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH KUALA SELANGOR**



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH KUALA SELANGOR**

NO. SEBUTHARGA :
JPS.K.Sel.75/2009

TAJUK KERJA :
MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MENGECAT KESELURUHAN
STRUKTUR PINTU KAWALAN AIR PASANG SURUT DI DALAM KAWASAN
DAERAH KUALA SELANGOR,
SELANGOR DARUL EHSAN.

JADUAL KANDUNGAN

Bil	Butiran	Muka Surat
1	Dokumen A- Arahan Kepada Pentender	A/1 – A/2
2	Dokumen B- Borang Sebutharga	B/1
3	Dokumen C- Syarat-Syarat Sebutharga	C/1 – C/2
4	Dokumen D- Dokumen-Dokumen Sokongan a) Senarai kerja yang Telah Disiapkan b) Senarai kerja Dalam Tangan	D/1 – D/2

ARAHAN KEPADA PENTENDER

1.0 Hak Kerajaan Untuk Menerima / Menolak Sebutharga

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi atau apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2.0 Cara-cara Melengkapkan Dokumen Sebutharga

2.1 Penyediaan Sebutharga

Pentender adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya;

- a) Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh pentender dan saksinya.
- b) Borang Sebutharga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukal (Lump-Sum) kuantiti dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh pentender dan saksinya.
- c) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).
- d) Senarai Kerja Dalam Tangan.
- e) Senarai Pengalaman Kerja.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Pentender hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga **JPS.K.Sel.75/2009** serta Tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Pentender boleh menghubungi **Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor** untuk penjelasan lanjut.

3.0 Ringkasan Sebutharga

- 3.1** Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 3.2** Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurna.

4.0 Tempoh Sah Sebutharga

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Pentender tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Pentender menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh Sebutharga.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

Sebutharga untuk kerja JPS Daerah Kuala Selangor

Sebutharga kerja untuk :
No. Sebutharga : **JPS.K.Sel.75/2009**
Rujukan Fail :

Sebutharga dikeluarkan oleh :
Jurutera Daerah
JPS Daerah Kuala Selangor

Tarikh : 27hb. Ogos, 2009.

Sila sebutkan harga bagi mengadakan segala bahan-bahan, peralatan, jentera dan tenaga buruh serta mengikut syarat-syarat yang ditentukan bagi kerja:

MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MENGECAT KESELURUHAN STRUKTUR PINTU KAWALAN AIR PASANG SURUT DI DALAM KAWASAN DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.

Tawaran akan ditutup pada **02hb. September, 2009** jam 12.00 tengahari di **Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan**. Tawaran hendaklah di masukkan kedalam sampul surat bermeteri yang di tandakan di sudut kiri Rujukan Sebutharga.

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
	Menyediakan, membekal dan menghantar segala bahan-bahan kerja, peralatan dan tenaga kerja untuk menjalankan kerja-kerja mengecat struktur pintu kawalan air pasang surut serta kerja-kerja yang berkaitan di dalam Daerah Kuala Selangor sehingga siap dengan sempurna mengikut arahan Pegawai Penguasa:				
1	Kos untuk kerja-kerja permulaan termasuk insurans Public Liability dan Workmen Compensation.	-	-	L.S	
2	Menyediakan laporan bergambar (berukuran 5R) kerja sebelum dan selepas kerja dilaksanakan yang ditampal/dicetak pada kertas A4 dan dijilid secara "ring binding" serta satu (1) salinan "soft copy" yang dimuat dalam cakera padat (CD) termasuk kerja-kerja berkaitan.	-	-	L.S	
3	Kerja-kerja penyediaan permukaan termasuk kerja-kerja mengikis, membuang dan membersihkan cat warna asal pada permukaan struktur dan kerja mengecat selapisan cat asas serta lain-lain kerja berkaitan seperti mana arahan Pegawai Penjaga.	-	-	L.S	
4	Kerja-kerja mengecat struktur konkrit, bahagian-bahagian berasaskan keluli termasuk tangga "ralling" pagar (jika ada) serta bumbung dan kerangka bumbung (jika ada) untuk pintu-pintu kawalan air pasang surut serta kerja-kerja yang berkaitan seperti mana arahan Pegawai Penjaga.	Nos	10		

	<p>Berikut adalah senarai pintu kawalan air pasang surut jenis ALUMINIUM ROLLER GATE.</p> <p><u>NO DAFTAR</u> <u>LOKASI</u></p> <p>4.1 AR1 / KS14 / ME / 83 Sungai Sembilang</p> <p>4.2 AR1 / KS15 / ME / 83 Tambak Jawa</p> <p>4.3 AR1 / KS10 / ME / 83 Parit Merbau 1</p> <p>4.4 AR1 / KS11 / ME / 83 Parit Merbau 2</p> <p>4.5 AR1 / KS1 / ME / 83 Kemsey</p> <p>4.6 AR1 / KS23 / ME / 86 Sungai Yu II</p> <p>4.7 AR1 / TK26 / ME / 86 Sg Tiram Buruk Kg Bukit Belimbing</p> <p>4.8 AR1 / TK11 / M / 79 Jalan Ban RB, Sg Tenggi Kiri</p> <p>4.9 AR2 / TK2 / ME / 89 Bagan Pasir</p> <p>4.10 AR1/TK2/ME/2000 Parit 6</p>				
5	<p>Kerja-kerja mengecat struktur konkrit, bahagian-bahagian berasaskan keluli termasuk tangga "ralling" pagar (jika ada) serta bumbung dan kerangka bumbung (jika ada) untuk pintu-pintu kawalan air pasang surut serta kerja-kerja yang berkaitan seperti mana arahan Pegawai Penjaga.</p>	Nos	5		
	<p>Berikut adalah senarai pintu kawalan air pasang surut jenis SCREWDOW GATE.</p> <p><u>NO DAFTAR</u> <u>LOKASI</u></p> <p>5.1 HSD2/ KS119 / M / 75 Kampung Kuantan</p> <p>5.2 HSD2/ TK20 / M / 82 Sungai Johol</p> <p>5.3 HSD2/ TK17 / M / 89 Sg Dungun, Kg Dato' Manan</p> <p>5.4 HSD2 /TK18 / M / 88 Jalan Masjid Baroh</p> <p>5.5 HSD1 / TK3 / M / 98 Parit 5</p>				

	<p><u>Nota Warna .</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semua komponen besi – JOTUN GARDEX G 548 (biru gelap) atau yang setara dengannya. 2. Counterweight – JOTUN SIGNAL G 280 (kuning) dan JOTUN G 099 (hitam) atau yang setara dengannya. 3. Tembok permukaan depan – JOTUN JOTASHIELD J 355 (hijau muda) atau yang setara dengannya 4. Tembok permukaan bawah dan dalam – JOTUN JOTASHIELD J 293 (biru muda) atau yang setara dengannya. 5. Tembok permukaan luar kiri dan kanan – JOTUN JOTASHIELD J 458 atau yang setara dengannya. 				
JUMLAH KESELURUHAN					

(Ringgit :)

Tempoh kerja disiapkan : Minggu.

Taklimat / Lawatan Tapak pada : **TIADA**

Tandatangan Penender :

Tandatangan Saksi :

Nama Penender :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon :

No. Telefon :

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

1. Pemborong dianggap telah melawat dan mengetahui akan tempat kerja yang dijalankan dan berpuashati dengan syarat-syarat yang dikenakan dan mengkaji dengan terperinci masalah yang akan timbul bersabit dengan kerja ini supaya tidak menjejaskan kerja nanti. Segala tuntutan yang bersabit dengan kerja ini tidak boleh dibuat dan tidak akan dilayan.
2. Pemborong hendaklah memulakan kerja dalam tempoh 7 hari dari tarikh yang dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan dan kelulusan Pegawai Penjaga JPS atau wakilnya.
 - a) Jika pemborong gagal memulakan kerja dalam tempoh 7 hari akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap pemborong mengikut syarat-syarat pendaftaran.
 - b) Jika pemborong tidak menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan, tindakan secara pembayaran gantirugi dan penggantungan lesen dan pendaftaran atau apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Pegawai Penyelia atau wakilnya.
3. Semua bahan-bahan yang dibekalkan dan digunakan hendaklah yang baru dan belum dipakai dan mempunyai mutu yang terbaik dan diperolehi dari dalam Malaysia dan mendapat kelulusan Pegawai Penyelia JPS. Pegawai tersebut juga mempunyai kuasa untuk meminta contoh-contoh untuk diperiksa sebelum bahan-bahan tersebut dibekalkan atau digunakan.
4. Hanya pekerja-pekerja yang mahir dalam bidang masing-masing sahaja yang patut digunakan. Pemborong dan pekerja-pekerjanya hendaklah menjalankan kerja dengan baik dan cermat. Sebarang kerosakan oleh sebab kecuaihan pihak pemborong atau pekerjanya hendaklah dibaiki atau diganti atas perbelanjaan pemborong sendiri.
5. Kerja-kerja tambahan/kekurangan yang dianggap perlu dan yang diarahkan oleh Pegawai Penyelia JPS atau wakilnya hendaklah tidak melebihi 30% dari jumlah sebutharga. Pembayaran akan dibuat (tambahan atau kekurangan) mengikut kadar harga seperti yang telah diisi oleh pemborong di senarai butir-butir kerja.
6. Apabila siap, segala sampah sarap serpihan dan lebihan hendaklah dibersihkan mengikut Pegawai Penyelia atau wakilnya.
7. Kerajaan adalah tidak terikat dan bebas untuk memilih atau tidak memilih sama sekali yang difikirkan wajar dan tidak pula terikat untuk memilih sebutharga yang terendah sekali.
8. Pemborong adalah dikehendaki mengambil insuran bagi pekerja (Workmen's Compensation) atau mencarumkan dengan SOCSO bagi semua pekerjanya.

9. Sebut harga ini mestilah sampai ke alamat di atas pada atau sebelum pukul 12.00 tengahari pada hari-bulan yang ditetapkan sah laku selama 90 hari atau 3 bulan.

10. Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke **Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor.**

PENGAKUAN.

Saya/Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

Tarikh : Tandatangan:
(Pemborong)

Nama :

No.K/P :

No.Tel :

Tarikh : Tandatangan:
(Saksi)

Nama :

No.K/P :

No.Tel :

SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

*(Ruangan ini WAJIB diisi dan dikepilkan bersama-sama BORANG
SEBUTHARGA semasa memasuki peti sebutharga)*

Nama Projek	Jabatan / Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

*(Ruangan ini WAJIB diisi dan dikepilkan bersama-sama BORANG
SEBUTHARGA semasa memasuki peti sebutharga)*

Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga	Tarikh Mula	Tarikh Siap